



UMCARES

BULETIN

BIL 1
2023

KOMUNITI
BAYVIEW GREEN
GARDEN RANGKUL
PENGIKTIRAFAN

INDUSTRI
SEKOLAH YANG LAYAK
KE PERINGKAT AKHIR
PERTANDINGAN DIY
MADE SIMPLE 2023

WARGA UM
PROGRAM
KESEJAHTERAAN UM-
INDRALOKA



SIDANG PENGARANG



KETUA EDITOR
PROF . MADYA DR . AMER
SIDDIQ AMER NORDIN
Pengarah UMCares



TIMB. KETUA EDITOR
PROF . MADYA DR .
NORAINI AHMAD
Timb. Pengarah UMCares



EDITOR &
PEREKA GRAFIK
MUHAMMAD ASYRAF
Pegawai Penyelidik



PENOLONG EDITOR
NOR AZLIN MAT RADI
Pegawai Penyelidik Kanan



PEMBERI DATA
RECKY NURHAFIZATUL
LAINEE YAHYA
Penolong Penyelidik



PENOLONG EDITOR
DR. AZIZI ABU BAKAR
Pegawai Penyelidik Kanan



KANDUNGAN

KOMUNITI

BAYVIEW GREEN GARDEN RANGKUL PENGIKTIRAFAN

Universiti malaya bantu Bayview Green Garden rangkul pengiktirafan di anugerah kebun kejiranan bandar Kuala Lumpur 2023

INDUSTRI

PERTANDINGAN DIY MADE SIMPLE 2023

Pertandingan ini merupakan pertandingan rekapipta untuk menambahbaik prasarana/ruang sekolah secara Do-It-Yourself (DIY).

WARGA UM

PROGRAM KESEJAHTERAAN UM

Salah satu inisiatif hebat yang diperkenalkan adalah Program Kesejahteraan UM, yang kini mempersembahkan sebuah karnival

SOSIAL MEDIA

PEMINDAHAN ILMU MELALUI SOSIAL MEDIA

Media sosial adalah jambatan pengetahuan moden yang memungkinkan pemindahan ilmu dengan lebih meluas

BAYVIEW GREEN GARDEN RANGKUL PENGIKTIRAFAN

Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 adalah sebuah program anugerah yang bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada penduduk bandar Kuala Lumpur yang berjaya membina dan memelihara kebun kejiranan dengan baik. Program ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Kuala Lumpur (MBKL) sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mempromosikan amalan hidup mampan dan kelestarian alam sekitar di kalangan penduduk bandar.

Bayview Green Garden telah diberi penghormatan dengan dua anugerah semasa acara Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 yang diadakan pada 11 Mac 2023, di KL Park Festival 2023. Anugerah yang diterima oleh Bayview Garden ialah pengiktirafan 4 bintang dan pengiktirafan khas kelestarian juri taman. Anugerah ini diberikan berdasarkan empat kriteria, termasuk pengurusan sosio-budaya, alam sekitar, ekonomi dan pentadbiran projek mampan. Selain itu, reka bentuk taman dan landskap, kepelbagaian spesies tumbuhan dan spesies, dan amalan pengurusan taman yang mantap dan berkesan turut dipertimbangkan semasa penilaian.

[Klik disini untuk maklumat lanjut](#)



UNIVERSITI MALAYA MENERIMA GERAN BERJUMLAH RM 409,000

Tahniah kepada Prof. Madya Dr. Nor Liyana Mohd Shuib, Dr. Mohd Usman Mohd Junaidi, dan Dr. Mohd Razip Bajuri daripada Universiti Malaya kerana telah berjaya memperoleh geran MySI daripada MOSTI dengan jumlah keseluruhan RM 409,000!

Pencapaian ini menunjukkan kecemerlangan dan ketekunan dalam penyelidikan dan pengembangan projek-projek yang bermanfaat kepada masyarakat. Ucapan tahniah ini adalah pengiktirafan kepada usaha dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh Prof. Madya Dr. Nor Liyana Mohd Shuib, Dr. Mohd Usman Mohd Junaidi, dan Dr. Mohd Razip Bajuri.



Kejayaan ini seharusnya memberi semangat kepada semua untuk terus menggalakkan dan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Ia menunjukkan bahawa penyelidikan dan pembangunan adalah amat penting dalam membina dan memperkukuhkan asas kebudayaan, pengetahuan, dan inovasi dalam negara kita.

[Klik disini untuk maklumat lanjut](#)

DIY MADE SIMPLE: 16 PASUKAN TERBAIK LAYAK KEPERINGKAT AHKHIR



Pertandingan DIY Made Simple 2023

Pertandingan ini merupakan pertandingan rekacipta untuk menambahbaik prasarana/ruang sekolah secara Do-It-Yourself (DIY). Pertandingan ini terbuka kepada murid sekolah menengah seluruh Malaysia dan dijalankan dalam 2 peringkat iaitu peringkat saringan dan peringkat akhir.

Maklumat penyertaan



390 buah pasukan berdaftar dan menghantar video



1,950 orang murid

Pasukan yang layak ke peringkat akhir

16 pasukan dari sekolah di seluruh Universiti Malaya telah layak ke peringkat akhir. Di mana di peringkat akhir pasukan tersebut telah di tindikkan bersama mentor-mentor dari kalangan pensyarah Universiti Malaya

Sesi Penilaian dan Majlis Penyampaian Hadiah

Sesi penilaian dan Penyampaian hadiah akan dijadualkan berjalan di Universiti Malaya pada bulan September akan datang. Pertandingan ini mengambil masa selama 6 bulan.

[Klik disini untuk maklumat lanjut](#)



KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI



Yayasan Maghfirah

Sesi perbincangan ini adalah bertujuan untuk mencari titik potensi kolaborasi di antara pihak UMCares dan pihak Yayasan Maghfirah. Pengalaman kedua - dua pihak dalam aktiviti bersama masyarakat dikongsi bersama.


Membuka peluang untuk pihak UMCares mengenalpasti dengan lebih mendalam khidmat kemasyarakatan yang telah dijalinhubung oleh pihak Yayasan Maghfirah disamping berpotensi untuk meletakkan satu platform kerjasama antara pihak UMCares dan Yayasan Maghfirah.

TEKUN Nasional

Sesi perbincangan untuk melihat potensi kerjasama antara UMCares dan TEKUN Nasional. Perbincangan ini di buat bagi meningkatkan persefahaman dan menjalinkan kerjasama dengan pihak luar

Yayasan YTL dan Teach For Malaysia

Sesi perbincangan untuk meningkatkan pemahaman fungsi kedua - dua pihak iaitu YTL dan TFM selain untuk meneroka peluang kerjasama. Sesi ini dapat memberi potensi pada masa akan datang untuk menjalinhubung fungsi universiti dan pihak yayasan serta NGO dalam aktiviti membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat.



PROGRAM KESEJAHTERAAN UM- INDRALOKA

Universiti Malaya terus berkomitmen dalam memperjuangkan kegiatan program yang melibatkan komuniti dengan konsep pemindahan ilmu dan teknologi maklumat dari pensyarah-pensyarah kepada masyarakat setempat. Melalui Pusat Jalinan Masyarakat (UMCares), mereka menjalankan program-program yang dipantau secara teliti bagi memastikan impak dan hasil yang diharapkan dapat disalurkan dengan berkesan kepada komuniti yang terlibat. Salah satu inisiatif hebat yang diperkenalkan adalah Program Kesejahteraan UM, yang kini mempersembahkan sebuah karnival berwarna-warni dengan tema pendidikan, kesihatan, dan pengurusan kewangan! Karnival ini bermula pada 17 Jun 2023, bertempat di Pangsapuri Indraloka, Universiti Malaya.

Program Kesejahteraan UM adalah satu langkah progresif dari Universiti Malaya untuk memberi impak positif kepada masyarakat setempat khususnya warga Universiti Malaya. Program ini dapat meningkatkan kualiti hidup dan mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek kehidupan.

[Klik disini untuk maklumat lanjut](#)



LEADERSHIP TALK - UMCARES CLUB

Pada 13 Mei 2023, kelab UMCares telah mengadakan program Leadership Talk yang berjaya di Auditorium KPPI. Program ini dirancang secara semi formal dengan tujuan utama untuk menyuntikkan elemen kepimpinan dalam kalangan ahli skuad, sekaligus memberikan mereka wawasan dan inspirasi melalui perkongsian yang bernilai daripada panelis jemputan.

Program Leadership Talk ini dibuat eksklusif untuk ahli kelab UMCares dan telah dihadiri oleh sejumlah ahli yang terdiri dari mahasiswa dan mahasiswi tahun pertama, kedua, dan ketiga. Kehadiran mereka menunjukkan antusiasme dan komitmen mereka terhadap pengembangan diri dan peningkatan kepemimpinan. Dalam acara ini, panelis jemputan terdiri dari para pemimpin terkemuka dari berbagai bidang. Mereka adalah individu yang telah membuktikan diri sebagai pemimpin yang berpengaruh dan sukses dalam karier mereka masing-masing. Panelis-panelis ini memberikan wawasan yang berharga dan berbagi pengalaman mereka tentang kepemimpinan, tantangan yang dihadapi, dan strategi yang mereka gunakan untuk mencapai kejayaan.



[Klik disini untuk maklumat lanjut](#)



PEMINDAHAN ILMU MELALUI MEDIA SOSIAL

PODCares- Sembang Warung Anak Muda

#PODCares ialah rancangan bual bicara/ forum bulanan yang memfokuskan kepada perbincangan isu-isu yang dihadapi oleh golongan muda masa kini.

Program ini merupakan platform yang sangat baik untuk golongan muda menyuarakan kebimbangan mereka dan terlibat dalam perbincangan bermakna mengenai topik yang penting bagi mereka. Ahli panel yang dijemput adalah pakar dalam bidang masing-masing dan boleh menawarkan nasihat dan bimbingan berharga dalam pelbagai isu.



MUKA SURAT SEMBILAN | KOMUNITI

[Klik disini untuk maklumat lanjut](#)



Sembang Pakar UM

Sembang Pakar UM ialah platform terbaik yang membolehkan penyelidik dari Universiti Malaya berkongsi pengalaman mereka dalam projek komuniti dan menawarkan nasihat berharga mengenai isu semasa berkaitan kepakaran mereka.

Platform ini memberi peluang kepada penyelidik UM untuk melibatkan diri dengan masyarakat luas dan berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka. Melalui Sembang Pakar UM, mereka boleh menawarkan pandangan dan perspektif mereka tentang pelbagai topik dan memberi panduan tentang cara mendekati isu yang kompleks.



**PUSAT JALINAN
MASYARAKAT UNIVERSITI
MALAYA (UMCARES),**

ARAS 6, KOMPLEKS
PENGURUSAN PENYELIDIKAN
DAN INOVASI UNIVERSITI
MALAYA,
50603, KUALA LUMPUR

WWW.MYUMCARES.UM.EDU.MY

UMCARES@UM.EDU.MY

03-7967 7358/ 7359/ 7360



@myumcares

